

KEW.PA-27

No. Sebut Harga : (Seperti dalam jadual di bawah)
Tarikh Iklan : 20/04/2026

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

**Jabatan Perhutanan Negeri Perak,
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Utama,
30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	No. Sebut Harga : PHD.PS /SH/01/2026 ISUZU TFS77HD1 Tahun Dibuat 2006 No. Enjin : 4JH1-284299 No. Casis : JAATFS77H57103810	AFS 9566	1	RM 2,000.00

2. Lawatan tapak / lihat aset adalah seperti butiran berikut :

Tarikh : **27 April 2026 (Isnin)**
Masa : **10.00 pagi hingga 11.00 pagi**
Tempat : **PEJABAT RENJ HUTAN BIDOR,
JALAN TELUK INTAN,
35500 BIDOR,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Kehadiran lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi tawaran sebutharga ini.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh setelah selesai lawatan tapak / lihat aset pada **27 April 2026 (Isnin)** sehingga sehari sebelum tarikh tutup sebutharga pada waktu pejabat di alamat seperti di **Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan, Jalan Raja, 35000 Tapah, Perak darul Ridzuan.** Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

KEW.PA-27

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga yang dinyatakan dalam jadual di atas dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK,
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU UTAMA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.
(BILIK TENDER, ARAS BAWAH)**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **04 Mei 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



NORLIZA BINTI MD
Pegawai Hutan Daerah
Perak Selatan
Tapah

b.p. Pengarah Perhutanan Negeri

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk pembayaran Kiriman Wang atau Draf Bank sahaja atas nama **BENDAHARI NEGERI PERAK**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
7. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat **pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah **mengambil aset dalam tempoh 7 hari bekerja** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga diminta untuk mengisi dan menghantar Borang Pewujudan/ Kemaskini Data Induk Pelanggan Aset bersama Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28).
10. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.

KEW.PA-27

11. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harga disetuju terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harga tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.
12. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan permohonan taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
13. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil Jabatan di Cawangan JPJ.
14. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web <https://www.perakforestry.gov.my>

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK,
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU UTAMA 30020 IPOH PERAK.**